

06/09/1997

Perwakilan sokong saranan Presiden

PERWAKILAN Umno menyokong ucapan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menyentuh pelbagai isu terutama isu agama, dan berharap perwakilan dan ahli Umno berusaha keras merealisasikan saranan yang dibuat.

Ketua Umno Bahagian Parit Sulong, Tan Sri Ridzuan Salim, berkata ucapan Dr Mahathir, terutama menentang pelampau agama amat baik dan tepat pada masanya.

"Kita sering melihat pelampau agama menyebabkan kekacauan dalam negara terutama di negara Islam. Kewujudan kumpulan itu juga menyebabkan perpecahan sesama sendiri dan pembangunan negara terjejas.

"Selain itu, saranan Dr Mahathir supaya generasi muda negara ini menguasai bahasa asing amat penting untuk membolehkan mereka menguasai pelbagai bidang ilmu supaya bangsa Malaysia dapat menandingi negara lain dunia," katanya.

Saranan itu turut disokong perwakilan Umno Bahagian Kepong, Daud Johari, yang berkata Islam sudah lama menekankan bahawa menuntut ilmu dalam pelbagai bidang itu adalah fardu kifayah.

"Oleh itu, bukan saja penguasaan bahasa asing, malah umat Islam perlu menguasai pelbagai ilmu lain termasuk sains dan teknologi. Pendapat sesetengah orang yang menyatakan belajar ilmu sains sebagai sekular adalah tidak betul," katanya.

Menurutnya, ucapan Dr Mahathir sebenarnya bertujuan membetulkan kekeliruan masyarakat mengenai pelbagai masalah negara kini, terutama berkaitan masalah agama.

Sementara itu, perwakilan Umno Bahagian Pasir Putih, Kelantan, Ramzi Abdul Rahman berkata, Presiden Umno berterus terang dalam pelbagai isu demi kebaikan agama, bangsa dan negara.

"Ahli Umno perlu mendukung penuh amanat yang dikemukakan Perdana Menteri kerana saranan itu adalah pandangan jauh bagi memenuhi Wawasan 2020," katanya.

Pemangku Ketua Umno Bahagian Alor Gajah, Melaka, Datuk Noordin Yaani menyifatkan ucapan dasar Dr Mahathir sebagai amanat yang harus diberi penekanan oleh setiap lapisan masyarakat.

Beliau berkata, setiap masyarakat harus mengamalkan pendekatan agama secara sederhana dalam usaha menjaga imej Islam serta memelihara syiar Islam di negara ini.

Ini kerana, katanya, Malaysia sering menjadi contoh kepada negara luar, terutama dalam aspek agama Islam kerana mampu menyatupadukan ummah di kalangan masyarakat pelbagai kaum.

Saranan itu disokong Ketua Pergerakan Wanita Umno Bahagian Bentong, Pahang, Zaharah Ismail, yang turut menekankan supaya setiap masyarakat mengamalkan sikap kesederhanaan dalam aspek kehidupan.

"Kita tidak mahu apa yang dibuat kelak menjadi bahan ketawa bukan sahaja bangsa asing malah negara luar," katanya.

Ketua Pergerakan Wanita Umno Bahagian Kuala Kerai, Kelantan, Ramlah Abdul Kadir, berkata pendekatan Islam perlu disesuaikan dengan dunia moden kini yang menggunakan peralatan serba canggih dalam kehidupan seharian, tanpa meninggalkan ciri Islam.

"Kini, kita boleh baca al-Quran melalui komputer atau Internet, berbanding dulu, menghadap kitab...maka itu ada kaedah lebih mudah dan canggih, kenapa tidak kita ikut?," katanya.

Ketua Pergerakan Wanita Umno Bahagian Kuala Langat, Datin Paduka Fatimah Suhaimi, berharap setiap lapisan masyarakat memberi penekanan mengekalkan kekukuhan institusi keluarga dalam usaha membentuk masyarakat madani.

Katanya, ibu bapa dan pemimpin harus prihatin menjaga serta memelihara institusi keluarga kerana ia mencerminkan perpaduan serta penyatuan ummah sejagat dan usaha ini sekali gus akan membentuk kumpulan kepimpinan yang dinamik pada masa depan.

Naib Ketua Umno Bahagian Alor Gajah, Melaka, Datuk Ibrahim Durum, bersetuju dengan pandangan Perdana Menteri yang menegur sikap sesetengah pihak yang menyifatkan dirinya sahaja yang layak memberi komen mengenai agama.

(END)